

Dr. M yakin EAEC jadi kenyataan

6 FEB 1994

MANILA 3 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin apabila Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) menjadi kenyataan, ia akan berkembang untuk melahirkan apa yang beliau sifatkan sebagai Lingkungan Kemakmuran Asia Timur.

Lingkungan Kemakmuran Asia Timur ini pula, katanya, boleh menjadi pergerakan pertumbuhan bagi dunia keseluruhannya.

Untuk mengejar impian ini, Dr. Mahathir berkata, negara-negara di rantau ini perlu bekerja rapat bagi memastikan EAEC menjadi kenyataan dan dapat beroperasi secepat mungkin.

Perdana Menteri melahirkan harapan itu pada jamuan negara yang diberikan oleh Presiden Fidel Ramos di Istana Malacanang malam ini bagi meraikan beliau yang sedang melakukan lawatan rasmi empat hari.

Beliau berharap Filipina akan dapat menyumbang kepada kelahiran impian ini bersama negara-negara lain di rantau Asia Timur.

Katanya, kelahiran EAEC akan dapat membantu negara-negara kurang membangun di Asia Timur di mana mereka akan dapat mempelajari daripada rakan-rakan yang sudah berjaya.

Lebih daripada itu, Dr. Mahathir berkata, EAEC akan dapat memulakan pelaburan antara negara (*cross investment*) yang sudah tentu dapat pula mempercepatkan proses pembangunan dan pemindahan teknologi.

"Maka akan terbitlah sebuah Lingkungan Kemakmuran Asia Timur yang lapat bertindak sebagai pembawa pertumbuhan bagi dunia seluruhnya," ujar beliau.

Dr. Mahathir melahirkan keyakinan ini berdasarkan kepada hakikat bahawa rantau Asia Timur hari ini adalah rantau yang paling dinamik dari segi ekonomi.

Menurutnya, kecenderungan ini akan berterusan ke abad ke-21.

Dengan kadar purata pertumbuhan di tahap 7.8 peratus sepanjang dekad yang lalu, tambah beliau, apa yang dialami Asia Timur sudah tentulah dicemburui negara-negara lain.

Sebab itulah, ujar Dr. Mahathir, negara-negara Asia Timur memerlukan sebuah forum untuk berunding antara satu sama lain tentang perkara-perkara yang menjadi kepentingan mereka.

Beliau sekali lagi mengulangi bahawa EAEC tidak sekali-kali diutarakan sebagai sebuah blok ekonomi.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa bimbang Malaysia terhadap kemunculan kumpulan-kumpulan ekonomi yang kuat yang menonjolkan kepentingan tertentu sesuatu rantau.

Tegasnya, Malaysia percaya dan berpegang kuat kepada prinsip bahawa perdagangan dunia hendaklah dijalankan secara bebas dan prinsip ini perlu diperkuatkan lagi.

"Kami menentang sebarang langkah bertujuan hanya untuk melindungi kepentingan-kepentingan tertentu dengan mengabaikan kepentingan negara-negara kecil yang lemah ekonominya," ujar beliau.

Sebab itulah, katanya, negara-negara di rantau ini perlu memperhebat dan memperkukuhkan lagi kerjasama sesama mereka. —*Utusan*.